

S.P. Pentadbiran BPS UPSI Bilangan 3 Tahun 2016
(Surat Pemberitahuan)

Tarikh: 4 Oktober 2016

Semua Kakitangan
Bahagian Pembangunan Sahsiah

Tuan,

LANGKAH PENJIMATAN BERKENAAN PENGURUSAN ELAUN KERJA LEBIH MASA DAN TUNTUTAN PERJALANAN UPSI

Dengan hormatnya merujuk kepada memo Jabatan Bendahari kepada Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bertarikh 4 Oktober 2016 yang disalinkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Kandungan maklumat memo tersebut iaitu:

Jabatan ini terlebih dahulu ingin mengucapkan penghargaan atas komitmen yang diberikan oleh pihak puan dalam memantau pelaksanaan kerja lebih masa di Pusat ICT ke arah penjimatan dan perbelanjaan berhemah.

Jabatan ini juga bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak puan berkenaan langkah-langkah alternatif yang akan diambil oleh Pusat ICT bagi penjimatan EKLM tersebut. Sehubungan itu, jabatan ini meminta supaya pihak puan mengambil tindakan selanjutnya bagi pelaksanaan cadangan-cadangan berkenaan.

Jabatan ini turut mengambil maklum bahawa sebahagian daripada belanja EKLM, Pusat ICT melibatkan kerja-kerja untuk aktiviti Universiti. Sehubungan itu, jabatan ini berharap agar langkah-langkah penjimatan yang akan dilaksanakan kelak tidak akan memberi kesan negatif terhadap aktiviti Universiti dan diharap agar pihak puan akan terus memberikan sokongan terhadap aktiviti berkenaan. Sekiranya aktiviti tersebut memerlukan kos yang tinggi di segi tuntutan EKLM, pihak puan disarankan agar berhubung terus dengan jabatan ini agar penyelarasan kewangan dapat dilakukan.

Sehubungan itu, bagi tujuan penjimatan, semua urusan melibatkan EKLM untuk kakitangan pejabat ini dan juga melibatkan aktiviti persatuan yang menggunakan khidmat staf ICT akan disemak semula. Langkah penjimatan yang boleh diambil memandangkan BHEP perlu menanggung kos khidmat kakitangan tersebut adalah mengarahkan Persatuan/Kelab /Badan Pelajar mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan secara serentak pada hari yang sama.

Sekian.

Timbalan Pendaftar
Bahagian Pembangunan Sahsiah

* dokumen ini merupakan cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

